



# 36 soalan 3M dijawab

## DARI MUKA 1

menukar ciri, character, corak atau keperibadian Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil).

"Sebenarnya saya kurang faham apakah yang dimaksudkan dengan istilah-istilah ciri, character, corak dan keperibadian, dalam soalan-

soalan yang berhormat itu.

"Setahu saya sejajar dengan perakuan dalam laporan Jawatankuasa Kabinet, sistem persekolahan peringkat rendah yang ada sekarang yang menggunakan tiga bahasa pengantar akan diteruskan.

"Ini bermakna yang sekolah kebangsaan menggunakan Bahasa

Malaysia sebagai bahasa pengantar, sementara Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar.

Bukan sahaja mereka terus wujud, malahan masa untuk mempelajari bahasa-bahasa pengantar di sekolah-sekolah tersebut akan ditambah, melalui Kurikulum 3M ini, jelasnya.

Perdana Menteri juga menegaskan, pelaksanaan sistem 3M adalah satu perubahan kurikulum yang tidak ada kena-mengena dengan dasar pelajaran negara kita.

"Tidak ada niat dan tidak ada tindakan diambil untuk menghapuskan bahasa sesiapa.

Tuduhan ini dibuat oleh pihak tertentu mungkin pada mulanya kerana tidak faham.

"Tetapi sekarang semua pihak sudah diberi maklumat yang cukup tentang sistem 3M.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia